

10/10/2003

KL terima paling ramai pemimpin tertinggi OIC

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Sidang Kemuncak Persidangan Negara Islam (OIC) ke-10 yang bermula esok di sini, menerima jumlah kedatangan pemimpin kerajaan yang paling ramai iaitu 30 ketua negara dan 35 Menteri Luar, berbanding sidang kemuncak sebelum ini.

Antara ketua kerajaan dan pemimpin tertinggi yang memberi pengesahan kehadiran mereka termasuk Putera Mahkota Arab Saudi, Putera Abdullah Abdul Aziz; Putera Mahkota Maghribi, Putera Sidi Mohamad; Setiausaha Agung Pertubuhan Bang-sa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan; Setiausaha Agung Liga Arab, Amr Mussa; dan wakil Kesatuan Afrika (AU).

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kehadiran pemimpin tertinggi OIC kali ini membuktikan negara Islam sedar bahawa sidang kemuncak di Malaysia adalah satu persidangan yang mustahak dalam memberi nafas baru kepada OIC.

"Komitmen yang ditunjukkan ini amat membanggakan kita kerana orang sudah berminat untuk datang dan mereka tahu apakah usaha Malaysia serta minat kita yang mendalam selama ini, dalam memperjuangkan cabaran umat Islam.

"Kita berharap segala usaha kita ini akan mencapai kejayaan dengan kerjasama negara Islam lain kerana Malaysia tidak dapat melakukannya tanpa usaha kolektif dari semua," katanya ketika ditemui selepas mengadakan pemeriksaan bagi persiapan sidang kemuncak itu, di Pusat Konvensyen Putrajaya, semalam.

Syed Hamid berkata, sidang kemuncak kali ini dijangka memberi lebih impak kepada masyarakat antarabangsa kerana ia bukan saja tertumpu kepada aspek penyusunan semula pertubuhan itu, tetapi turut menumpukan kepada isu kezaliman Israel dan keganasan.

Beliau berkata, pemimpin negara Islam juga dijangka mengutuk ancaman ketenteraan Israel ke atas Syria dan negara Arab lain apabila mereka bermesyuarat di sini minggu depan.

"Dengan menyerang Syria baru-baru ini, Israel menunjukkan bahawa ia mempunyai `kuasa penuh' untuk melakukan apa saja yang mereka suka dengan berselindung di sebalik alasan `keselamatan'," katanya sambil menambah pemimpin-pemimpin OIC juga akan menggesa masyarakat antarabangsa untuk menghalang Israel daripada mengancam negara-negara Arab.

Pada masa sama, Syed Hamid berkata, Malaysia juga akan mencadangkan seorang calon bagi jawatan Setiausaha Agung OIC apabila penyandanganya, Abdelouahed Belkeziz, melepaskan jawatan itu tahun depan.

Katanya, kebanyakan anggota OIC telah meminta Malaysia untuk menamakan calon tetapi enggan menyatakan nama calon berkenaan.

Sebelum ini, ada ura-ura menyatakan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan ditawarkan jawatan itu berikutan penghormatan yang diterimanya daripada dunia Islam.

Sehingga kini, Bangladesh sudah menyatakan calonnya bagi jawatan itu iaitu Salauddin Quader Chowdhury iaitu Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri Khaleda Zia.

Dalam perkembangan berkaitan, Syed Hamid berkata, sebuah Pusat Kajian Islam yang berpusat di Istanbul, akan menyampaikan hadiah istimewa kepada Dr Mahathir bagi mengenang sumbangan Perdana Menteri kepada masyarakat Islam.

"Kebanyakan anggota OIC sudah pun memberikan anugerah kepada Dr Mahathir kerana mereka melihat Perdana Menteri sebagai pemimpin Islam yang berjaya mencetus idea baru dan membawa imej positif kepada dunia Islam," katanya.

Mengenai kehadiran Putera Arab Saudi, Putera Abdullah, Syed Hamid berkata, selain menghadiri sidang kemuncak, Putera Abdullah juga akan membuat lawatan rasminya ke Malaysia pada 14 dan 15 Oktober.

Lawatan ini adalah lawatan rasmi pertama daripada seorang pemimpin tinggi Arab Saudi.